

Berdasarkan 'pilihanraya percubaan'

PM YAKIN UMNO MENANG SEMUA NEGERI

M.M. - 4 MAR 1990

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 3 Mac —
Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin UMNO akan menang di semua negeri termasuk Kelantan dalam pilihanraya umum ini berdasarkan keputusan yang diterima dari 'pilihanraya percubaan' yang telah diadakan pada pertengahan bulan lalu di seluruh negara.

Beliau berkata rumusan itu dibuat berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Majlis Tertinggi UMNO hari ini hasil dari 'pilihanraya percubaan' itu.

Menurut Presiden UMNO 'pilihanraya percubaan' itu telah diadakan serentak di seluruh negara pada pertengahan bulan lalu selama dua minggu untuk menguji sejauh mana kekuatan dan persediaan UMNO menjelang pilihanraya umum.

Katanya, bagaimana UMNO yakin boleh menang di semua negeri hanya berdasarkan keputusan 'pilihanraya percubaan' itu adalah rahsia, tetapi hakikatnya ialah UMNO yakin akan menang termasuk di Negeri Ke-

lantan.

Bercakap kepada para wartawan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di sini petang ini, Dato Sri Dr. Mahathir menegaskan, beliau puas hati dengan 'pilihanraya percubaan,' itu.

Ditanya apakah dengan perkembangan itu Barisan Nasional (BN) bersedia untuk mengadakan pilihanraya sekarang, beliau berkata BN memang bersedia tetapi UMNO dan parti - parti komponen yang lain mahu lebih bersedia.

Mengenai 'pilihanraya percubaan' itu, beliau menerangkan pada mulanya ia hendak dijalankan secara rahsia tetapi nampaknya semua orang sudah mengetahuinya.

Beliau berkata, sebenarnya ilham 'pilihanraya percubaan' itu datang dari persidangan Ketua - Ketua Negara Komanwel (CHOGM) Oktober tahun lalu.

Bagaimanapun berbeza dengan CHOGM, 'pilihanraya percubaan' ini adalah persiapan parti dan bukannya kerajaan.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, persidangan percubaan yang dijalankan menjelang mesyuarat CHOGM sungguh berkesan apabila banyak kelemahan dan kekuatan dapat di-kesan melaluinya.

"Oleh itu kita berpendapat cara ini juga berguna untuk menentukan sama ada parti bersedia untuk menghadapi pilihanraya," ujarnya.

LIHAT MUKA 5

PM yakin menang

M.M. - 4 MAR 1990

Beliau berkata, pihak pembangkang begitu heboh memperkatakan tentang 'pilihanraya percubaan' ini seolah-olah ia suatu perkara yang ganjil.

"Kita tidak akan melakukan sesuatu jika kita tahu ia salah bagaimanapun saya tidak nampak sesuatu yang ganjil mengenainya dan jika parti pembangkang hendak buat pun boleh kerana mereka sekarang nampak hantu di mana-mana termasuk di belak-kang pokok," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Ditanya mengenai cara mengendalikan 'pilihanraya percubaan' itu, Dato'

Sri Dr. Mahathir berkata ia dijalankan serentak selama dua minggu di seluruh negara oleh jentera perhubungan UMNO negeri pada pertengahan bulan lalu.

"Ia dibuat macam pilihanraya betul tapi bentuk dan cara UMNO mengendalikan pilihanraya percubaan ini adalah rahsia parti," tergasnya.

Ditanya mengenai per-anan parti - parti kompo-nen BN, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau akan berbincang dengan ketua - ketua parti dan jika mereka rasa wajar mereka juga akan mengadakan 'pilihanraya percubaan.'